

ZUL menunjukkan tanaman kenaf yang diusahakan secara berkelompok di Kampung Guntung Dalam, Permaisuri, Setiu.



## Tanaman kenaf beri RM26,800 semusim

**Permaisuri:** "Dalam semusim (empat bulan) selalunya hanya tiga kali saya masuk kebun, namun mampu meraih pendapatan lumayan lebih RM26,800," kata Ketua Projek Tanaman Kenaf Guntung Dalam, Zul Yunus.

Zul, 46, mengusahakan projek itu secara separuh masa sejak 2014 bersama beberapa orang dan kini bilangan peserta semakin bertambah kepada 41 petani di Kampung Guntung Dalam di sini yang mengusahakan kawasan seluas 80 hektar tanah.

"Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) menghadkan seorang petani boleh menanam kenaf dengan keluasan tanah maksimum lima hektar untuk semusim bagi setiap peserta.

"Bagi setiap satu hektar, pengusaha mampu memperoleh hasil sekitar 16 tan dan dijual kepada kilang dengan harga kira-kira RM335 untuk satu tan, sekali gus memperoleh nilai pendapatan mencecah RM5,360," katanya yang ditemui di Projek Tanaman Kenaf Guntung Dalam di sini, semalam.

Beliau berkata, LKTN menyediakan khidmat nasihat serta kemudahan asas tanaman seperti benih, baja dan racun melalui skim kredit yang membolehkan proses tanaman lebih lancar.

"Peruntukan benih sebanyak 12 kilogram bagi setiap satu hektar diagihkan kepada peserta dan jumlah bertambah mengikut keluasan tanah.

"Kebanyakan peserta terbabit mengusahakan tanah sendiri dan tanah yang disewa daripada penduduk kampung sebelum ini dijadikan kawasan sawah padi.

"Proses menanam kenaf tidak terlalu rumit serta tidak perlu penjagaan rapi seperti tanaman lain kerana ia boleh tumbuh dalam apa juga musim sama ada kemarau atau banjir," katanya.

Menurutnya, proses tanaman bermula daripada menggembur tanah, menabur benih, membaja sebulan sekali serta meracun jika ada gangguan daripada serangga perosak.

"Cabaran utama sewaktu mahu mengambil

hasil, kami terpaksa bergelumang dengan miang kenaf yang boleh menyebabkan rasa gatal pada kulit untuk memotong batang pokok secara manual sebelum dijual kepada pengilang secara basah atau sudah dikeringkan.

Katanya, peserta projek kenaf di kampung itu agak beruntung kerana lokasi tanaman berdekatan dengan kilang yang terletak hanya sekitar dua kilometer, sekali gus mampu menjimatkan kos pengangkutan menghantar hasil tanaman.

"Proses menuai hasil kenaf pada musim ini dijangka dilaksanakan pada pertengahan Ogos selama seminggu," katanya.

Dalam pada itu, pada Isnin lalu, Menteri Industri Utama Teresa Kok memuktamikan kilang perintis pemrosesan kenaf bernilai RM26.5 juta dijangka mula beroperasi di Setiu, Terengganu mulai tahun depan dan kilang ini menjadi kemudahan pertama di negara itu yang mampu menghasilkan fiber berkualiti tinggi.